

D908

U B199 DEB

MAHATHIR - TANJUNG

(I)

KUCHING, 30 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASYARAKAT CINA NEGARA INI MELAKUKAN KEBILAPAN BESAR JIKA MENGUNDI ENCIK LIM KIT SIANG PADA PILIHAN RAYA 3 OGOS INI DENGAN MENGENEPIKAN KETUA PEMUDA GERAKAN DR KOH TSU KOON. DR KOH YANG MEMPERTAHAN KERUSI PARLIMEN TANJUNG DITENTANG OLEH SETIAUSAHA AGUNG DAP ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional (BN) BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI SEBAGAI MENGULAS +PERTARUNGAN SENGIT+ MEREbut KERUSI TANJUNG.

PERDANA MENTERI MENAMATKAN LAWATAN SINGKATNYA KE SARAWAK HARI INI.

BELIAU BERKATA SEBALIKNYA MASYARAKAT CINA JUGA MELAKUKAN KESILAPAN BESAR JIKA DR KOH TSU KOON TIDAK TERPILIH. +JIKA MENANG, DR KOH AKAN MENJADI +TELINGA+ KERAJAAN.+ -- LAGI
1204MST 30 07 86

U B203 DEB

MAHATHIR - TANJUNG 2 KUCHING

(I)

PERTARUNGAN ANTARA DR KOH DENGAN SETIAUSAHA AGUNG DAP DI KAWASAN TANJUNG DIANGGAP PERTANDINGAN PALING MENARIK DAN MENDEBARKAN PADA PILIHAN RAYA AHAD INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIJADUALKAN BERKEMPEN DI PULAU PINANG LEWAT HARI INI BERKATA KHIDMAT DR KOH SEBAGAI ANGGOTA PARLIMEN LEBIH BERKESAN DARIPADA MENJADI SENATOR.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN ENCIK LIM BERTANDING DI KAWASAN TANJUNG MEMBUKTIKAN BELIAU MENARUH DENDAM TERHADAP DR KOH. +BELIAU DENGAN MUDAH BOLEH MEMENANGI KERUSI LAMA KOTA MELAKANYA TETAPI KERANA BELIAU TIDAK SUKA AKAN DR KOH, BELIAU BERTANDING DI TANJUNG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA KEHADIRAN DR KOH DI PARLIMEN +AMATLAH PERLU.+ -- BERNAMA.
1223MST 30 07 86